

**20(A). SUMBANGAN UNTUK PENANAMAN POKOK-POKOK DAN PEMANDANGANDARATAN BERKAITAN DENGAN PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN**

1. Semua pemunya bangunan mestilah samada membuat pemandangandaratan dan menanam pokok di kawasan-kawasan lapang awam dan di tepi-tepi jalan dengan perbelanjaan mereka sendiri, atau membayar sumbangan kewangan pada Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengikut kadar-kadar yang ditetapkan dalam garispanduan ini untuk maksud ini, apabila mereka bercadang membina sebarang bangunan dalam kawasan di bawah bidangkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
2. Untuk pembinaan rumah-rumah sementara atau rumah-rumah separuh tetap yang luas lantainya 1,000 kaki persegi atau kurang, pemunya-pemunya bangunan itu adalah dikecualikan dari menepati kehendak ini.
3. Opsyen untuk pemunya-pemunya bangunan membuat pandangandaratan dan menanam pokok dengan perbelanjaan mereka sendiri hanya akan diberi jika sekiranya terdapat kawasan lapang awam yang luas telah diperuntukkan dalam rancangan perumahan mereka. Pemunya-pemunya bangunan mestilah, sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan, memberitahu Majlis sama ada mereka ingin membuat pandangandaratan dan penanaman pokok itu dengan perbelanjaan mereka sendiri, atau membayar sumbangan kewangan untuk tujuan ini.
4. Sekiranya seseorang pemunya bangunan itu memilih membuat pandangandaratan dan menanam pokok itu dengan perbelanjaan sendiri, maka Garispanduan-garispanduan berikut mestilah ditepati :-
  - (a) Ia mestilah mencagarkan dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang sejumlah wang atau satu jaminan bank yang akan ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan. Jumlah wang atau jaminan bank ini adakan dipulangkan kepadaanya apabila selesai kerja membuat pandangan daratan dan menanam pokok itu;
  - (b) Ia dikehendaki mengemukakan pelan-pelan pandangandaratan tidak lewat daripada enam (6) bulan dari tarikh permulaan kerja pembinaan itu;
  - (c) Sekiranya pemandangandaratan dan penanaman pokok itu tidak dibuat semasa ia memohon Sijil Layak Untuk Penghunian, adalah dianggap bahawa pemunya bangunan itu lebih suka Majlis Perbandaran Pulau Pinang membuat pandangandaratan dan menanam pokok itu, kecuali pemunya bangunan itu memberitahu Majlis Perbandaran Pulau Pinang bahawa kerja-kerja ini akan dibuat kemudian kelak sebelum seluruh rancangan perumahan itu siap dibina;
  - (d) Pelan-pelan pandangandaratan yang dikemukakan itu akan dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Kecil, yang mengandungi wakil-wakil dari Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan, Bahagian Perancang Bandar dan Bahagian Rekreasi dan Jawatankuasa Kecil ini akan membuat perakuan-perakuan kepada Jawatankuasa Meluluskan Lesen dan Pelan-pelan Kerja Tanah.
5. (i) Sekiranya seseorang pemunya bangunan itu memilih untuk membayar sumbangan kewangan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang ia mestilah membayarnya mengikut kadar-kadar berikut :-

(a) Untuk unit-unit kediaman hargamurah (seperti yang ditakrifkan di bawah "Garispanduan-garispanduan Mengenai Perumahan Hargamurah Majlis Perbandaran Pulau Pinang") - RM50.00 seunit		
(b) Untuk lain-lain jenis rumah pangsa	-	RM100.00 seunit
(c) Perumahan selain dari (a) dan (b)	-	RM100 seunit

- (d) Ruang komersial
- 5 sen bagi tiap-tiap kaki persegi bagi seluruh lantai yang berbungung kecuali kawasan-kawasan yang digunakan sebagai tempat letak kereta atau RM200.00 tertakluk kepada mana yang lebih tinggi.
6. Tarikh perlaksanaan Garispanduan ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ianya disahkan oleh Majlis Penuh
  7. Penguatkuasaan garispanduan ini adalah terhadap semua pembangunan yang mana Permohonan Merancang dan pelan bangunan yang dikemukakan selepas tarikh pelaksanaan garispanduan ini.

*(Diluluskan pada 28.1.2005)*